

# Nelayan dan petani tidak akan dilupa

BM 22 JUL 1990

**BATU PAHAT:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa masa depan petani, nelayan dan penternak tidak akan diabaikan kerana menyedari golongan itu adalah nadi pembangunan negara.

Malah, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menggunakan teknologi yang lebih canggih bagi meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

"Kerajaan memerlukan tenaga mereka bagi menampung keperluan makanan untuk penduduk Malaysia yang semakin meningkat.

Menurutnya, jumlah penduduk 17.6 juta sekarang akan terus meningkat menjadi lebih 20 juta pada tahun 2000 dengan pertambahan 360,000 setahun sedangkan tanah pertanian semakin kecil dan dengan itu, sudah tentulah petani nelayan dan penternak memainkan tugas penting dalam memastikan pengeluaran makanan yang mencukupi.

"Memang benar kerajaan akan terus mengimport sebahagian makanan tetapi yang penting ialah dalam keadaan darurat apabila kita terputus bekalan daripada negara asing kita tidak akan kebuluran.

"Kita mahu meningkatkan hasil pertanian walaupun bilangan tenaga berkurangan tetapi kita boleh melakukannya dengan menggunakan teknologi pertanian yang moden dan canggih," katanya sewaktu berucap merasmikan Hari Peladang Negeri Johor di tapak pesta Kampung Kenangan Datuk Onn di sini pagi semalam.

Turut hadir ialah Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dan timbalannya Datuk S Subramaniam, Presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik dan Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin.

Perdana Menteri yakin Malaysia mampu mengeluarkan hasil makanan yang mencukupi hanya dengan modal yang kecil kerana mempunyai cukup bahan semulajadi seperti air dan tanah yang baik.

Beliau memberi contoh negara Arab yang mempunyai tanah padang pasir tetapi berjaya mengeluarkan makanan sendiri untuk keperluan penduduknya dan seterusnya membebaskan diri daripada belunggu mengimport makanan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneruskan pelbagai program yang boleh meningkatkan hasil pertanian, penternakan dan perikanan "kerana ia boleh memberi pulangan yang baik."

Beliau berkata, petani sepatutnya berbangga kerana hasil pertanian negara dijual dengan harga berlipat ganda di negara luar seperti Jepun dan United Kingdom.

Perdana Menteri berkata, usaha gigih kerajaan akan diteruskan supaya petani tidak ketinggalan menikmati pendapatan yang lumayan.

"Kita ingin membuat sesuatu untuk kebaikan rakyat seluruhnya," katanya.